

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : ISU

MUTU PENJAGAAN KESIHATAN

80 peratus hospital miliki pasukan khas penjagaan luka

➔ Kementerian sasar baki 20 peratus lengkap menjelang 2023

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@nstp.com.my

■ Ayer Keroh

Kira-kira 80 peratus atau 116 daripada 145 hospital di seluruh negara dilengkapi kemudahan pasukan khas penjagaan luka dalam usaha meningkatkan lagi mutu penjagaan kesihatan di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata jumlah itu termasuk 48 hospital pakar milik Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, kementerian turut meletakkan sasaran baki

20 peratus hospital kerajaan di seluruh negara dilengkapi pasukan khas berkenaan menjelang tahun 2023.

"Buat masa ini, baki 20 peratus hospital kerajaan masih tidak dapat menubuhkan pasukan khas rawatan luka ini disebabkan ketiadaan doktor pakar di sesetengah pusat rawatan.

Capai sasaran

"Kementerian sedang berusaha untuk mencapai sepenuhnya sasaran ini (100 peratus) bagi memastikan semua hospital kerajaan dilengkapi pasukan khas yang lebih khusus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Penjagaan Luka Kebangsaan Ke-5 di Hotel Mudzaffar, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan, Datuk Dr Bahari Awang Ngah; Pengerusi Jawatankuasa Penjagaan Luka Kebangsaan, Normala Basiron dan Pengarah Kesihatan negeri, Dr Rushidi Ramly.

Mengulas lanjut, Boon Chye



Dr Lee Boon Chye

berkata, kesedaran mengenai penjagaan luka perlu disebar secara meluas kepada khalayak umum bagi memberi pemahaman rawatan terbaik tanpa mengakibatkan komplikasi yang lebih serius.

"Ini penting kerana pasukan khas ini sendiri terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang tertentu seperti bidang pembedahan plastik, ortopedik, perubatan dan rehab, sekali gus dapat memberi rawatan penjagaan luka secara intensif bagi kes tertentu seperti

penghidap kencing manis, darah tinggi dan sebagainya," katanya.

Dalam perkembangan lain, Boon Chye berkata, sehingga semalam seramai 11 mangsa masih dirawat di hospital daripada keseluruhan 675 mangsa yang mendapat rawatan susulan kejadian gejala sesak nafas di Pasir Gudang, Johor, minggu lalu.

"Setakat ini tiada keperluan untuk mengkaji prosedur operasi standard (SOP) baharu walaupun kita akui berlaku pencemaran di kawasan berkenaan. Tiada kes serius setakat ini," katanya.

Khamis lalu, media melaporkan 14 pelajar dan dua dewasa dari Sekolah Agama Taman Mawar (SATM), manakala 13 lagi murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Gudang (4), mengalami sesak nafas, loya dan muntah, dipercayai akibat pencemaran udara.

Kejadian itu menyusul hanya kira-kira tiga bulan selepas kawasan sepanjang 1.5 kilometer di Sungai Kim Kim tercemar akibat pembuangan sisa toksik yang menjejaskan hampir 6,000 penduduk.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : ISU



Ambil sampel lagi

PETUGAS jabatan Alam Sekitar Kelantan mengambil bacaan air tadahan bukit di ahir air menghala ke Sungai Perang di Kampung Kuala Koh.

■ Proses penting untuk uji ketepatan, cari punca konklusif penyakit



Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitiyor@hmetro.com.my

Gua Musang

Sampel air di empat lokasi di Kampung Kuala Koh di sini, diambil sekali lagi untuk menguji ketepatan keputusan punca penyakit yang melanda Orang Asli suku Batek yang menyebabkan 15 kematian dalam tempoh sebulan bermula Mei lalu.

Sampel air diambil Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan Malaysia serta Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia yang bermula pada jam 10 pagi hingga 3 petang semalam.

Sampel air diambil dari ta-



PETUGAS mengambil sampel air.

dahan bukit yang memerlukan perjalanan masuk hutan dan mendaki bukit lebih setengah jam, sungai tempat penduduk mandi, telaga tiub dan air sambungan di penempatan penduduk.

Pengarah Bahagian Pelak-

sanaan Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadima), Datuk Azizan Abu Taat berkata, sampel di empat lokasi itu diambil hasil rujukan penduduk Orang Asli dan



“

Kita akan membuat lima lagi siri sampel sehingga Julai ini untuk mendapat keputusan konklusif”

Azizan

badan bukan kerajaan (NGO) Sahabat Jariah Malaysia.

Katanya, sampel diambil untuk diuji oleh Jabatan Kimia dan dijangka mendapat keputusan bulan depan.

“Ia bagi memberi keputusan lebih tepat berhubung punca penyakit dihadapi penduduk Orang Asli di kampung ini yang dapat memberi kepuasan kepada banyak pihak mengenai punca penyakit di perkampungan ini.

“Persampelan ini dibuat kali ketiga dan kita akan membuat lima lagi siri sampel sehingga Julai ini untuk mendapat keputusan konklusif.

“Kita harap usaha ini dapat membantu penduduk Orang Asli mendapatkan bekalan air bersih dan hari ini (semalam) kita fokus kepada isu pencemaran air,” katanya ketika ditemui di Kampung Kuala Koh di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kimia, Mohd Zaini Abdul Rahman, Pengarah JMG Kelantan, Che Abdul Rahman Jaafar, Pegawai Kesihatan Daerah Gua Musang, Dr Mohamad Rafiq Mohd Kasri dan Presiden Sahabat Jariah Malaysia, Johan Halid.

Mengulas lanjut, Azizan berkata, penduduk Orang Asli di Kuala Koh dinasihatkan supaya memasak air sebelum diminum.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Kuala Koh, Mohamad Pokok berkata, dia bersyukur pihak berkenaan mengambil sampel air di perkampungannya bagi mengenal pasti punca penyakit.

Kuala Terengganu: Seorang lagi pesakit Orang Asli disahkan dijangkiti wabak campak kelmarin, menjadikan keseluruhan 11 kes penduduk Orang Asli positif wabak itu di negeri ini setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT), Dr Mohd Jusoh berkata, pesakit membabitkan seorang lelaki Orang Asli berusia 40 tahun itu dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu (HHT) untuk dirawat.

Seorang positif wabak campak

“Pesakit ada sejarah melawat rakannya yang sakit di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan selepas Hari Raya.

“Dengan pertambahan kes ini menjadikan keseluruhan 11 kes Orang Asli positif wabak campak di Terengganu membabitkan lapan pesakit lelaki dan tiga pesakit perempuan,” katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan pihaknya menerima 14 kes berkait pesakit

Orang Asli dijangkiti wabak campak, bagaimanapun hanya 11 disahkan positif, dua kes negatif, manakala satu kes lagi masih menunggu keputusan.

Dr Mohd berkata, dua kes pesakit lelaki Orang Asli masing-masing berusia 26 dan 29 tahun yang dirawat di HHT kerana dijangkiti wabak itu sudah dibenarkan pulang, kelmarin.

“Kedua-dua kes dihantar ke Kampung Sungai

Berua oleh Jabatan Kema-juan Orang Asli dan diberi vitamin A sebelum dibenarkan pulang. Kedua-dua kes tidak diberi vaksin kerana positif campak,” katanya.

Dalam pada itu Dr Mohd berkata, menerusi aktiviti pemantauan kes secara aktif (ADC) di perkampungan Orang Asli di Hulu Terengganu, 15 lagi penduduk Orang Asli ditemui di Kampung Sungai Berua.

“Pesakit ada sejarah melawat rakannya yang sakit di Kuala Koh”
Dr Mohd Jusoh



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : SETEMPAT

Fairuz Zaidan
fairuzaidan@nstp.com.my

Ayer Keroh

Kira-kira 80 peratus atau 116 daripada 145 hospital di seluruh negara sudah dilengkapi pasukan khas penjagaan luka dalam usaha meningkatkan lagi mutu penjagaan kesihatan di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, jumlah itu termasuklah 48 hospital pakar milik Kementerian Kesihatan.

"Buat masa ini, 20 peratus hospital kerajaan masih tidak dapat menubuhkan pasukan khas rawatan luka ini disebabkan ketiadaan doktor pakar di sesetengah pusat rawatan.

"Kementerian sedang berusaha untuk mencapai sepenuhnya sasaran ini (100 peratus) bagi memastikan semua hospital kerajaan di-

Skuad khas rawat luka

■ Sejumlah 116 daripada 145 hospital ada kemudahan untuk tingkat kesihatan



Dr Lee (tiga dari kanan) merasmikan Majlis Perasmian Persidangan Penjagaan Luka Kebangsaan Ke-5, di Hotel Mudzaffar, MITC Ayer Keroh.

lengkapi pasukan khas yang lebih khusus menjelang 2023," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan

Penjagaan Luka Kebangsaan Ke-5 di Hotel Mudzaffar di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan, Datuk Dr Bahari

“Buat masa ini, 20 peratus hospital kerajaan masih tidak dapat menubuhkan pasukan khas rawatan luka ini disebabkan ketiadaan doktor”

Dr Lee Boon Chye

Awang Ngah Pengerusi Jawatankuasa Penjagaan Luka Kebangsaan, Normala Basiron dan Pengarah Kesihatan negeri, Dr Rushidi Ramly.

Mengulas lanjut, Dr Lee berkata, masyarakat perlu dimaklumkan mengenai kepentingan penjagaan luka dan rawatan terbaik tanpa

mengakibatkan komplikasi lebih serius.

"Ini penting kerana pasukan khas ini sendiri terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang tertentu seperti pembedahan plastik, ortopedik, perubatan dan rehab sekali gus, lebih intensif bagi kes tertentu seperti penghidap kencing manis, darah tinggi dan sebagainya," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sehingga kelmarin, 11 mangsa masih dirawat di hospital daripada keseluruhan 675 mangsa susulan gejala sesak nafas di Pasir Gudang, Johor, minggu lalu.

"Setakat ini tiada keperluan untuk mengkaji pro-

sedur operasi standard (SOP) baharu walaupun kita akui berlaku pencemaran di kawasan berkenaan. Tiada kes serius setakat ini," katanya.

Pada Khamis lalu, melaporkan 14 pelajar dan dua dewasa dari Sekolah Agama Taman Mawar (SATM), manakala 13 lagi murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Gudang (4), mengalami sesak nafas, loya dan muntah dipercayai akibat pencemaran udara.

Kejadian itu menyusul hanya kira-kira tiga bulan selepas kawasan sepanjang 1.5 kilometer di Sungai Kim Kim tercemar akibat pembuangan sisa toksik yang menjejaskan hampir 6,000 penduduk.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NATION/NEWS

VIRUS

4 MORE CHIKUNGUNYA CASES IN KEDAH

Latest cases in Simpang Kuala bring number of affected people to 19

ALOR STAR

THE Kedah Health Department has identified another area infected with the Chikungunya virus with the detection of four cases in Simpang Kuala, here.

State health director Datuk Dr Norhizan Ismail said the four latest cases involved traders and residents, bringing the total number of people infected with the disease in Kedah to 19, including 15 people living in a row of shophouses near City Plaza here previously.

"Cases in this (Simpang Kuala) locality were reported at 10pm on Monday and district health officers were on the ground to conduct immediate checks.

"Investigations and blood tests on four individuals aged between 39 and 60 found them positive with Chikungunya.

"We are still checking to determine whether they are linked to the infections in City Plaza," he said in a statement here yesterday.

He said 24 premises in the area



Fogging being conducted around City Plaza in Alor Star on Tuesday. BERNAMA PIC

were inspected, where six containers were found to be positive for mosquito breeding, while four compounds were issued under the Destruction of Disease-Bearing Insects Act 1975.

Norhizan said vector control activities at the City Plaza shophouses were carried out from

Sunday until yesterday with 453 premises inspected and 26 containers found to be positive for mosquito breeding.

Fifteen owners the premises owners were slapped with compounds amounting to RM7,500, he said.

"Those displaying symptoms

such as fever and joint pains are advised to seek treatment at the nearest health facility."

Last Sunday, 23 individuals living in a row of shophouses near City Plaza here were suspected of

being infected with chikungunya after displaying symptoms of the disease such as fever, joint pains, and rashes.

However, only 15 tested positive for the virus. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Water sources near Orang Asli village mostly pollution-free

PETALING JAYA: Tests have confirmed that the water sources near Kampung Kuala Koh are mostly free from pollution except for high levels of iron and manganese, says an expert.

Water quality specialist Dr Zaki Zainudin said samples taken from the water sources near the Orang Asli settlement showed that the water was "relatively clean".

However, he said, it should not be consumed without boiling due to the presence of coliform bacteria.

He noted that the amount of iron or manganese in some of the samples exceeded recommended levels.

"The amount of iron in the samples were close to or exceeded the Health Ministry's recommended threshold of 0.3mg/L for drinking.

"The amount of manganese also exceeded the threshold of 0.1mg/L. Other metals remained low or undetected," he said.

Dr Zaki said while iron and manganese were commonly found in soil, the presence of these substances in water sources could be exacerbated by human activities.

"Due to land-water interactions, both substances also find their way naturally into surface water courses such as rivers and lakes.

"However, the transport of these substances may also be exacerbated by activities such as mining, land-clearing and agriculture due to erosion," he said.

The Bateq community in Kampung Kuala Koh came under the spotlight following the deaths of 15 tribe members since May.

Investigations attributed the cause to a measles outbreak, combined with a weak immune system and severe malnutrition.